

Publication: **Sinar Harian (Bisnes, pg. 42)**

Date: **18<sup>th</sup> May, 2019**

Headline: **PrestoPay Holds Cashless Raya Bazaar**



## **PrestoPay anjur Bazar Raya Tanpa Tunai**

**PrestoPay** menasarkkan jualan sehingga RM1 juta sempena Bazar Raya Tanpa Tunai pertamanya yang dianjurkan selama tiga hari sehingga semalam di Quill City Mall KL, Kuala Lumpur.

Bazar tersebut menawarkan pelanggan dengan pilihan produk merentasi pelbagai kategori dengan diskaun sehingga 70 peratus yang disediakan oleh lebih 30 peniaga.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PUC Berhad, Cheong Chia Chou berkata, menjalani kehidupan tanpa tunai membolehkan pengalaman yang lebih mudah dan lancar bagi kedua-dua peniaga mahupun pelanggan.

"Sehingga kini, 67 peratus rak-

yat Malaysia menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai seperti dompet mudah alih, kad debit dan kredit serta perbankan dalam talian.

"Malah, kami di Presto sentiasa berusaha untuk mendidik pengguna melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan acara yang mendekati mereka seperti Bazar Raya Tanpa Tunai ini.

"Acara ini bertujuan meningkatkan pendedahan berkaitan kemudahan yang disediakan melalui pembayaran tanpa tunai khususnya menerusi kaedah dompet mudah alih," katanya dalam kenyataan.

Rakan tuan rumah rasmi Bazar Raya Tanpa Tunai PrestoPay, Pengurus Pusat Quill City Mall



**Chia Chou (dua dari kanan) dan Alan Cheong (kanan) bersama tetamu kehormat pada pelancaran Bazar Raya Tanpa Tunai di Quill City Mall KL, baru-baru ini.**

KL, Alan Cheong pula berkata, pihaknya sentiasa mencari kaedah terbaik demi manfaat pelanggan.

"Melalui perkongsian dengan

PrestoPay ini, kami yakin dapat menyediakan pelanggan dengan pengalaman membeli-belah yang lebih lancar.